

## **BAB EMPAT**

### **FAKTOR TARIKAN DAKWAH ISMAIL LUTFI JAPAKIYA**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan membincangkan tentang faktor-faktor tarikan dakwah Ismail Lutfi terhadap sasaran dakwah khususnya masyarakat Islam di selatan Thailand. Untuk mencapai objektif tersebut, pengkaji telah menggunakan metode soal selidik, metode temu bual dan metode pemerhatian yang telah dijelaskan secara panjang lebar dalam bab satu.

#### **4.2 DEMOGRAFI SAMPEL**

Bahagian ini membincangkan demografi sampel yang menjadi responden dalam kajian ini. Aspek-aspek yang dianalisis ialah jantina, umur, pekerjaan, dan tahap kelulusan pengajian.

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	177	68.6
Perempuan	81	31.4
Jumlah	258	100.0

Berdasarkan Jadual 4.1 menunjukkan seramai 177 (68.6%) responden adalah lelaki sementara bilangan responden perempuan seramai 81 (31.4%) responden. Berdasarkan pemerhatian pengkaji perbezaan nisbah tersebut bersesuaian dengan kebiasaan yang berlaku dalam pengajian kuliah mingguan iaitu peserta lelaki lebih ramai berbanding dengan peserta perempuan.

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan	Peratus
21-30 tahun	73	28.3
31-40 tahun	75	29.1
41-50 tahun	68	26.4
51 tahun ke atas	41	15.9
Tidak Jawab	1	0.4
Jumlah	258	100

Berdasarkan Jadual 4.2, didapati seramai 75 (29.1%) responden berusia dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun mencatat bilangan umur paling ramai sementara sejumlah 41 (15.9%) responden berusia 51 tahun ke atas mencatat bilangan umur yang paling sedikit. Manakala responden yang berusia dalam lingkungan 21 hingga 30 tahun seramai 73 (28.3%) responden dan seramai 68 (26.4%) responden berusia dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun. Terdapat responden yang tidak menjawab soalan yang ditanyakan iaitu seramai 1 (0.4%) responden.

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Tahap Pekerjaan

Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Pegawai Kerajaan	32	12.4
Pegawai Swasta	66	25.6
Buruh	12	4.7
Petani	15	5.8
Bekerja sendiri/Berniaga	56	21.7
Pelajar	38	14.7
Suri Rumah	24	9.3
Tidak bekerja	10	3.9
Tidak jawab	5	1.9
Jumlah	258	100

Berdasarkan Jadual 4.3, didapati seramai 66 (25.6%) responden bekerja sebagai pegawai swasta mencatat bilangan pekerjaan responden yang paling tinggi, 56 (21.7%) responden bekerja sendiri atau berniaga, seramai 38 (14.7%) responden merupakan pelajar, seramai 32 (12.4%) responden bekerja sebagai pegawai kerajaan, seramai 24 (9.3%) responden sebagai suri rumah, seramai 15 (5.8%) responden bekerja sebagai petani, seramai

12 (4.7%) responden bekerja sebagai buruh dan seramai 10 (3.9%) responden tidak bekerja. Terdapat responden tertinggal atau tidak pasti untuk menjawab apa-apa seramai 5 (1.9%) responden. Ini bermakna sebahagian besar responden terdiri daripada masyarakat yang bekerja di sektor swasta, diikuti oleh pekerjaan sendiri atau berniaga.

Mengikut Sofian Sapeaing dan berdasarkan pemerhatian pengkaji, didapati sasaran yang terpengaruh dengan beliau adalah terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat sama ada pensyarah, guru, ustaz, peniaga, pekebun dan sebagainya.<sup>569</sup>

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Tahap Kelulusan Akademik

Kelulusan	Bilangan	Peratus
Doktor Falsafah (Phd)	2	0.8
Ijazah Sarjana	16	6.2
Ijazah Sarjana Muda	113	43.8
Sekolah Menengah Atas	59	22.9
Sekolah Menengah Bawah	11	4.3
Sekolah Rendah	13	5.0
Pengajian Pondok	36	14.0
Lain-lain	3	1.2
Tidak jawab	5	1.9
Jumlah	258	100

Berdasarkan Jadual 4.4 menunjukkan seramai 113 (43.8%) responden yang berkelulusan ijazah sarjana muda mencatat bilangan tahap kelulusan akademik yang paling ramai sementara seramai 2 (0.8%) responden berkelulusan di peringkat PhD mencatat bilangan tahap kelulusan akademik yang paling sedikit. Responden yang berkelulusan di peringkat sekolah menengah atas seramai 59 (22.9%) responden, seramai 36 (14.0%) responden yang berkelulusan di pondok, seramai 16 (6.2%) responden yang berkelulusan di peringkat ijazah sarjana, seramai 13 (5.0%) responden yang berkelulusan di peringkat sekolah rendah, seramai 11 (4.3%) responden yang berkelulusan di peringkat sekolah menengah bawah dan seramai 3 (1.2%) responden yang menjawab lain-lain iaitu berkelulusan di peringkat diploma dan tidak belajar. Terdapat responden tertinggal tidak

<sup>569</sup> Sofian Sapeaing, *op.cit.*, Temu bual pada 11 Ogos 2009 di masjid kampungnya.

menjawab apa-apa seramai 5 (1.9%) responden. Ini bermakna responden sebahagian besar berpelajaran tinggi iaitu berkelulusan di peringkat ijazah sarjana muda.

Menurut Ahmad Omar Chapakia, Ismail Lutfi berusaha untuk mendidik generasi muda dengan menggunakan pelbagai platform. Ini menyebabkan dakwah Ismail Lutfi disambut baik oleh generasi-generasi muda yang berpendidikan tinggi dalam bidang akademik.<sup>570</sup> Ismail b. Hj. Yaacob pula menjelaskan golongan yang terpengaruh dengan Ismail Lutfi adalah di kalangan golongan intelektual.<sup>571</sup>

### **4.3 FAKTOR TARIKAN DAKWAH ISMAIL LUTFI JAPAKIYA**

Tarikan dakwah merupakan sesuatu usaha untuk menarik perhatian sasaran supaya mendengar dan menerima apa yang disampaikan. Ismail Lutfi merupakan seorang tokoh dakwah yang mempunyai pengaruh yang ramai dan pelbagai lapisan masyarakat Islam di Selatan Thailand. Persoalannya ialah apakah faktor yang menjadikan dakwah Ismail Lutfi menarik perhatian pelbagai lapisan masyarakat Islam di Selatan Thailand? Bahagian ini, pengkaji melihat faktor tarikan dakwah Ismail Lutfi dari tiga aspek iaitu aspek personaliti, aspek isi penyampaian dan aspek gaya persembahan mesej.

#### **4.3.1 Faktor Pada Personaliti**

Pendakwah merupakan faktor yang terpenting dan utama dalam menarik perhatian sasaran. Ini kerana kejayaan dan kegagalan dalam dakwah terletak kepada kemampuan atau kesungguhan pendakwah. Ismail Lutfi adalah antara salah seorang tokoh dakwah yang mengajak masyarakat Islam di Selatan Thailand kembali kepada ajaran Islam yang syumul berdasarkan al-Quran dan sunah serta mengikut minhaj salaf soleh sebagai panduan hidup sehingga ramai tertarik dengan cara beliau. Persoalannya ialah apakah faktor tarikan pada

---

<sup>570</sup> Ahmad Omar Chapakia, *op.cit.* Temu bual pada 28 April 2009 di pejabatnya.

<sup>571</sup> Ismail b. Hj. Yaacob, *op.cit.* Temu bual pada 17 Disember 2009 di rumahnya.

personaliti beliau? Oleh itu, perbincangan ini akan melihat dari aspek faktor personaliti Ismail Lutfi yang telah berjaya menarik sasaran.

Jadual 4.5: Faktor Pada Personaliti

<b>Item</b>	<b>Sangat Suka</b>	<b>Suka</b>	<b>Biasa</b>	<b>Tidak Suka</b>	<b>Tidak Jawab</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Min</b>	<b>Kedudukan</b>
Suara	208 (80.6%)	47 (18.2%)	3 (1.2%)			258 (100%)	1.205	6
Air Muka	204 (79.1%)	48 (18.6%)	6 (2.3%)			258 (100%)	1.232	10
Keturunan	142 (55.0%)	91 (35.3%)	25 (9.7%)			258 (100%)	1.546	21
Jawatan	192 (74.4%)	55 (21.3%)	10 (3.9%)	1 (0.4%)		258 (100%)	1.302	16
Kelulusan Akademik	227 (88.0%)	28 (10.9%)	3 (1.2%)			258 (100%)	1.131	2
Ilmu	220 (85.3%)	36 (14.0%)	2 (0.8%)			258 (100%)	1.155	4
Pengalaman	200 (77.5%)	55 (21.3%)	3 (1.2%)			258 (100%)	1.236	11
Kecerdikan	212 (82.2%)	42 (16.3%)	4 (1.6%)			258 (100%)	1.193	5
Pemikiran	205 (79.5%)	50 (19.4%)	3 (1.2%)			258 (100%)	1.217	8
Ceramahnya (Pidatonya)	228 (88.4%)	29 (11.2%)	1 (0.4%)			258 (100%)	1.120	1
Akhlik Umum	223 (86.4%)	34 (13.2%)	1 (0.4%)			258 (100%)	1.139	3
Keikhlasan	201 (77.9%)	50 (19.4%)	6 (2.3%)		1 (0.4%)	258 (100%)	1.241	12
Kemesraan	163 (63.2%)	91 (35.3%)	4 (1.6%)			258 (100%)	1.383	19
Tawaduk	196 (76.0%)	55 (21.3%)	7 (2.7%)			258 (100%)	1.267	14
Lemah Lembut	206 (79.8%)	49 (19.0%)	3 (1.2%)			258 (100%)	1.213	8
Disiplin	159 (61.6%)	94 (36.4%)	5 (1.9%)			258 (100%)	1.403	20
Kewarakan	183 (70.9%)	64 (24.8%)	11 (4.3%)			258 (100%)	1.333	18
Kejujuran	194 (75.2%)	55 (21.3%)	8 (3.1%)		1 (0.4%)	258 (100%)	1.276	15
Penampilan berpakaian	195 (75.6%)	58 (22.5%)	5 (1.9%)			258 (100%)	1.263	13
Kesabaran	185 (71.7%)	63 (24.4%)	10 (3.9%)			258 (100%)	1.321	17
Kepimpinan	205 (79.5%)	49 (19.0%)	4 (1.6%)			258 (100%)	1.220	9

Item	Sangat Suka	Suka	Biasa	Tidak Suka	Tidak Jawab	Jumlah	Min	Kedudukan
						Purata Min	1.257	

Berdasarkan Jadual 4.5, didapati seramai 228 (88.4%) responden sangat suka terhadap ceramah Ismail Lutfi. Sementara seramai 29 (11.2%) responden suka dan 1 (0.4%) responden yang mengatakan biasa. Nilai min bagi item ini ialah 1.120. Ini bermakna secara keseluruhannya menunjukkan bahawa, responden tertarik dengan ceramah Ismail Lutfi. disebabkan oleh sangat tertarik dengan personaliti beliau. Manakala item yang menunjukkan jumlah yang paling rendah dari sudut personaliti ialah item keturunan. Seramai 142 (55.0%) responden menyatakan sangat suka keturunan Ismail Lutfi. Sementara 91 (35.3%) responden suka dan 25 (9.7%) responden mengatakan keturunannya adalah biasa. Nilai min bagi item ini ialah 1.546.

Melalui Jadual di atas juga menunjukkan faktor tarikan utama responden ialah disebabkan oleh personaliti Ismail Lutfi. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan kedudukan nilai min dan peratusan 80 ke atas pada skala sangat suka adalah terdiri daripada item ceramah 228 (88.4%) responden, keduanya adalah kelulusan akademik 227 (88.0%) responden, ketiganya pula ialah akhlak umum 223 (86.4%) responden. Manakala keempatnya ialah ilmu 220 (85.3%) responden, kelimanya kecerdikan 212 (82.2%) responden dan yang terakhirnya yang mempunyai peratusan 80 ke atas pada skala sangat suka ialah suara 208 (80.6%) responden.

Ismail Daalaj Sepanjang adalah salah seorang tuan guru pondok yang termasyhur sekarang di Selatan Thailand berpendapat bahawa, kemasyhuran Ismail Lutfi adalah disebabkan oleh kebolehan atau kepetahanan beliau sendiri dalam memberikan ceramah dan kebolehan ini merupakan anugerah Allah SWT kepadanya.<sup>572</sup> Abdulrahman Je se pula menerangkan kemasyhuran Ismail Lutfi adalah kerana kebolehan beliau dalam memberikan

---

<sup>572</sup> Ismail Daalaj Sepanjang, *op.cit*. Temu bual pada 22 April 2009 di rumahnya.

ceramah.<sup>573</sup> Berdasarkan penjelasan di atas menunjukkan bahawa ceramah Ismail Lutfi sangat menarik dan telah menawan hati masyarakat Islam di Selatan Thailand. Responden sangat tertarik dengan ceramah beliau disebabkan oleh enam faktor utama seperti yang disebutkan di bawah antaranya ialah:

### 1. Ceramah

Berdasarkan borang soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji kepada responden-responden mendapati bahawa mereka telah menyatakan sebab-sebab mengapa mereka memilih sangat tertarik atau tertarik dengan ceramah Ismail Lutfi iaitu disebabkan oleh ceramah yang disampaikan oleh beliau adalah jelas, mampu memberi maklumat yang baru dan semasa kepada masyarakat, mengemukakan alasan yang bernas serta menggunakan perkataan yang mudah tetapi memikat hati pendengar.

Abdulrazak Ali Ketua Majlis Agama Islam Narathiwat mengatakan bahawa masyarakat Islam di Selatan Thailand tertarik kepada ceramah Ismail Lutfi adalah disebabkan kerana ceramah beliau yang berbentuk ilmiah yang berasaskan dalil-dalil dan sumber rujukan yang jelas serta sentiasa memberikan idea-idea yang baru.<sup>574</sup> Ismail b. Hj. Yaacob pula menjelaskan, ceramah Ismail Lutfi dapat menarik perhatian sasaran kerana beliau menggunakan sumber rujukan yang jelas menyebabkan sasaran boleh merujuk sendiri, di samping penjelasan beliau yang nyata dan jelas.<sup>575</sup>

Muhammad Hj. Mat menyebutkan bahawa ceramah Ismail Lutfi dapat menarik perhatian sasaran kerana dalam ceramah, beliau telah mengemukakan dalil-dalil daripada al-Quran dan sunah dengan jelas dan nyata.<sup>576</sup> Manakala Hasan Ni'matullah seorang Imam di Masjid Jamik Saiburi menerangkan sasaran sangat tertarik dengan ceramah Ismail Lutfi

---

<sup>573</sup> Abdulrahman Je se, Ketua Majlis Agama Islam Wilayah Yala. Temu bual pada 19 April 2009 di pejabatnya.

<sup>574</sup> Abdulrazak Ali, *op.cit.* Temu bual pada 26 April 2009 di rumahnya.

<sup>575</sup> Ismail b. Hj. Yaacob, *op.cit.* Temu bual pada 17 Disember 2009 di rumahnya.

<sup>576</sup> Muhammad Hj. Mat, *op.cit.* Temu bual pada 19 Disember 2009 di rumahnya.

kerana kefasihan beliau dalam memberikan penerangan dan mengeluarkan hujah-hujah yang bernas sehingga pendengar terpikat dengan hujahnya.<sup>577</sup>

Uthman Rajniyum menyatakan beliau sangat tertarik dengan ceramah Ismail Lutfi kerana Ismail Lutfi adalah seorang yang mempunyai ilmu yang mendalam dan meluas, mempunyai teknik dalam membuat perbandingan yang baik dan mudah difahami, mengemukakan isi kandungan mengikut keadaan semasa masyarakat dan kehendak pendengar, boleh menjawab persoalan yang menjadi masalah dalam masyarakat, menggunakan istilah-istilah perkataan yang baru dan kadang-kadang berjenaka. Selain itu, beliau dapat mengajar isi pengajian yang kompleks menjadi lebih mudah difahami oleh pendengar. Manakala isi pengajian disampaikan oleh beliau dengan menarik menyebabkan masyarakat gemar mendengar ceramah beliau. Walaupun ceramah Ismail Lutfi adalah lebih berbentuk ilmiah tetapi semua lapisan masyarakat boleh memahami dengan baik tidak kira golongan awam ataupun golongan intelektual.<sup>578</sup>

Maryam bt. Idris menyatakan beliau sangat tertarik dengan ceramah Ismail Lutfi kerana ceramah beliau mempunyai informasi yang jelas, huraian yang berkaitan dengan tajuk. Tambah beliau lagi, Ismail Lutfi mempunyai suara yang lembut dan terang serta menggunakan intonasi suara yang menarik dalam ceramahnya.<sup>579</sup> Manakala Arifin b. Che Ali menyatakan beliau sangat tertarik dengan ceramah Ismail Lutfi kerana suara beliau yang lembut, hujah yang jelas dan nyata, memberi idea yang baik untuk beramal dalam kehidupan seharian dan menggunakan perkataan yang baik dalam ceramah.<sup>580</sup>

Kesimpulannya, sebab utama yang menyebabkan sasaran tertarik dengan ceramah Ismail Lutfi ialah disebabkan oleh penjelasan beliau yang jelas dan mudah difahami. Di samping itu juga, hujah-hujah daripada al-Quran dan sunah diaplikasikan dengan baik

---

<sup>577</sup> Hasan Ni'matullah, Bekas Pelajar Universiti Islam Madinah al-Munawwarah dan Imam Masjid Jamik Saiburi, daerah Saiburi, wilayah Pattani. Temu bual pada 22 April 2009 di rumahnya.

<sup>578</sup> Uthman Rajniyum, Pegawai Kolej Pengajian Islam, Universiti Songkla Nakharin, Pattani dan Peserta Majlis al-'Ilm Faqāni. Temu bual pada 26 April 2009 di rumahnya.

<sup>579</sup> Maryam bt. Idris, Pekebun dan Peserta Majlis al-'Ilm UIY. Temu bual pada 18 Disember 2009 di rumahnya.

<sup>580</sup> Arifin b. Che Ali, Pemandu Kereta dan Peserta Majlis al-'Ilm Faqāni. Temu bual pada 20 Disember di masjid kampungnya

dalam ceramahnya, selain mengemukakan pandangan-pandangan daripada ulama-ulama yang muktabar serta beliau menyatakan sumber rujukan yang jelas.

## 2. Kelulusan Akademik

Daripada borang-borang soal selidik yang diedarkan, responden menyatakan bahawa kelulusan akademik Ismail Lutfi sangat menarik atau menarik perhatian kerana beliau berkelulusan tinggi iaitu berjaya menamatkan pengajian di peringkat PhD di luar negara. Abdulrahman Je se menyatakan antara faktor sebahagian besar masyarakat Islam di Selatan Thailand tertarik kepada Ismail Lutfi adalah kerana beliau berkelulusan akademik di peringkat PhD. Pada zaman beliau amat jarang masyarakat Islam di Selatan Thailand yang berjaya menamatkan PhD dalam bidang agama.<sup>581</sup>

Uthman Rajniyum juga mengatakan perkara yang sama iaitu kelulusan akademik Ismail Lutfi merupakan antara salah satu faktor masyarakat tertarik dengan beliau kerana beliau berkelulusan tinggi iaitu di peringkat PhD atau gelaran doktor.<sup>582</sup> Kenyataan-kenyataan di atas juga disokong oleh Rusdi Dibuk yang menerangkan antara faktor sasaran sangat tertarik kepada Ismail Lutfi ialah juga disebabkan oleh kelulusan akademik beliau. Boleh dikatakan beliau adalah golongan masyarakat Islam di Selatan Thailand yang terawal yang mendapat kelulusan di peringkat PhD dalam bidang agama.<sup>583</sup>

Kesimpulannya, kelulusan akademik Ismail Lutfi merupakan salah satu faktor penarik kepada penerimaan dakwah yang dibawa oleh beliau. Hal ini kerana beliau merupakan antara golongan masyarakat Islam di Selatan Thailand yang terawal yang mendapat kelulusan PhD dalam bidang agama dari negara Arab. Di samping itu, masyarakat menganggap bahawa orang yang berkelulusan agama dari negara Arab khususnya negara Arab Saudi merupakan orang alim seperti mana ulama terdahulu di Selatan Thailand yang kebanyakannya menamatkan pengajian di Masjid Haram di Mekah, Arab Saudi. Oleh itu,

---

<sup>581</sup> Abdulrahman Je se, *op.cit.* Temu bual pada 19 April 2009 di pejabatnya.

<sup>582</sup> Uthman Rajniyum, *op.cit.* Temu bual pada 26 April 2009 di rumahnya.

<sup>583</sup> Rusdi Dibuk, Pekebun dan Peserta *Majlis al-'Ilm* UIY. Temu bual pada 21 Disember 2009 di rumahnya.

kelulusan akademik Ismail Lutfi yang berkelulusan di peringkat PhD dari Arab Saudi dengan gelaran doktor sangat menarik perhatian sasaran.

### **3. Akhlak Umum**

Berdasarkan borang soal selidik, responden menyatakan akhlak Ismail Lutfi sangat menarik atau menarik perhatian kerana beliau mempunyai akhlak yang mulia sama ada dengan kawan dan lawannya, berani bercakap perkara yang benar, pergaulan yang baik, tawaduk, warak, istiqamah dengan amalan, lemah lembut, bertolak unsur, mempunyai kesabaran yang tinggi, murah hati, bertimbang rasa, berkorban untuk orang lain, menghormati orang lain, tidak mensia-sikan masa, beramal sebelum bercakap dan menjadi contoh kepada orang lain.

Muhammad Hj. Mat menerangkan masyarakat tertarik kepada akhlak Ismail Lutfi kerana beliau merupakan seorang yang mempunyai sifat kesungguhan yang tinggi untuk membangunkan masyarakat Islam di selatan Thailand. Sebagai contoh beliau telah berjaya mengangkat taraf pendidikan masyarakat Islam di Selatan Thailand dengan menujuhkan UIY.<sup>584</sup> Ahmad Omar Chapakia menyatakan kelebihan Ismail Lutfi daripada sudut akhlak ialah penghormatan beliau yang tinggi terhadap orang tua.<sup>585</sup>

Hasan Ni‘matullah menerangkan sasaran sangat tertarik dengan akhlak Ismail Lutfi kerana beliau bercampur dengan semua peringkat masyarakat, tidak kira sama ada masyarakat peringkat bawahan atau atasan dan beliau adalah seorang yang lemah lembut dalam pergaulan.<sup>586</sup> Manakala Abdulrahman Wodir, Ketua Hal Ehwal Pelajar UIY menyatakan sasaran sangat tertarik dengan akhlak Ismail Lutfi kerana beliau seorang yang ramah-tamah, tidak suka marah, memberi penghormatan tinggi kepada kawan dan orang lain serta sentiasa memberi nasihat.<sup>587</sup>

---

<sup>584</sup> Muhammad Hj. Mat, *op.cit.* Temu bual pada 19 Disember 2009 di rumahnya.

<sup>585</sup> Ahmad Omar Chapakia, *op.cit.* Temu bual pada 28 April 2009 di pejabatnya.

<sup>586</sup> Hasan Ni‘matullah, *op.cit.* Temu bual pada 22 April 2009 di rumahnya.

<sup>587</sup> Abdulrahman Wodir, *op.cit.* Temu bual pada 24 Disember 2009 di pejabatnya.

Abdullah Pak Chik yang merupakan bekas pemandu kereta Ismail Lutfi menerangkan Ismail Lutfi sentiasa menggunakan masa dengan berfaedah semasa berada dalam kereta seperti berzikir kepada Allah SWT, membaca al-Quran, membaca buku, mengarang dan beristirahat. Oleh kerana itu, beliau telah terpikat dengan akhlak Ismail Lutfi.<sup>588</sup> Manakala Mustafa Yusuf, pemandu kereta Ismail Lutfi sekarang juga menyatakan perkara yang sama iaitu Ismail Lutfi menggunakan masa dengan berfaedah semasa berada dalam kereta iaitu berzikir kepada Allah SWT, membaca al-Quran, membaca buku, mengarang, memberi nasihat dan beristirahat. Di samping itu, Ismail Lutfi sentiasa mengucapkan terima kasih kepada beliau setiap kali selepas selesai memandu kereta. Contoh teladan Ismail Lutfi tersebut menyebabkan beliau amat menyukainya.<sup>589</sup> Manakala Uthman Rajniyum menerangkan sasaran sangat tertarik dengan akhlak Ismail Lutfi kerana Ismail Lutfi adalah seorang yang mempunyai keikhlasan yang tinggi, tidak meninggi diri, tawaduk dan menghormati orang.<sup>590</sup>

Kesimpulannya, banyak sifat terpuji yang telah ditonjolkan oleh Ismail Lutfi dalam kehidupan seharian beliau dan disebabkan itulah sasaran tertarik dengan akhlak beliau.

#### 4. Ilmu

berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan, responden menyatakan sebab-sebab sangat tertarik atau tertarik dengan ilmu Ismail Lutfi kerana beliau seorang yang menamatkan pengajiannya di peringkat PhD, seorang ulama semasa dan mempunyai ilmu serta pengalaman yang cukup luas. Di samping itu, ilmu yang diajarkan oleh beliau belum pernah diketahui dan berdasarkan banyak rujukan.

Uthman Rajniyum menerangkan bahawa Ismail Lutfi adalah seorang yang mempunyai ilmu yang hebat iaitu mendalam dan meluas serta mengikut perkembangan

---

<sup>588</sup> Abdullah Pak Chik, *op.cit.* Temu bual pada 26 Disember 2009 di pejabatnya.

<sup>589</sup> Mustafa Yusuf, *op.cit.* Temu bual pada 26 Disember 2009 di pejabatnya.

<sup>590</sup> Uthman Rajniyum, *op.cit.* Temu bual pada 26 April 2009 di rumahnya.

semasa. Sebab itulah, beliau tertarik untuk mengikuti pengajaran Ismail Lutfi.<sup>591</sup> Manakala Rusdi Dibuk pula menyatakan beliau sangat tertarik kepada ilmu Ismail Lutfi kerana Ismail Lutfi adalah seorang yang mempunyai ilmu yang luas dan berkelulusan akademik di peringkat PhD.<sup>592</sup>

Kesimpulannya, dengan ilmu yang dimiliki oleh Ismail Lutfi iaitu ilmu yang mendalam, meluas dan mengikut perkembangan semasa adalah menyebabkan ramai sasaran tertarik kepada beliau.

## 5. Kecerdikan

berdasarkan borang-borang soal selidik, responden menyatakan sebab-sebab sangat tertarik dengan kecerdikan Ismail Lutfi adalah kerana Ismail Lutfi merupakan seorang yang sudah cerdik semenjak kecil lagi. Kecerdikan beliau ini dibuktikan dengan kebijakan beliau mengatur kehidupan sendiri dan kerja, berwawasan yang jauh dan seorang yang sangat bijak mengeluarkan fatwa.

Nasrullah Tayyib menyatakan antara sebab sasaran sangat tertarik dengan kecerdikan Ismail Lutfi adalah kebijaksanaan beliau dalam memilih kakitangan yang berkualiti semasa bekerjasama dengan beliau di universiti.<sup>593</sup> Manakala Hasan Cheanik menerangkan bahawa baliau menyukai kecerdikan Ismail Lutfi kerana Ismail Lutfi bijak atau pandai meletakkan seseorang bersesuaian dengan tempatnya.<sup>594</sup>

Rusdi Dibuk menerangkan sangat tertarik dengan kecerdikan Ismail Lutfi kerana beliau berkelulusan di peringkat PhD dalam bidang agama di luar negara yang jarang sekali dicapai oleh masyarakat Islam di Selatan Thailand, di samping beliau telah berjaya menubuhkan sebuah universiti Islam.<sup>595</sup>

---

<sup>591</sup> *Ibid.*

<sup>592</sup> Rusdi Dibuk, *op.cit.* Temu bual pada 21 Disember 2009 di rumahnya.

<sup>593</sup> Nasrullah Tayyib, *op.cit.* Temu bual pada 15 Ogos 2008 di perpustakaan UIY.

<sup>594</sup> Hasan Cheanik, Bekas Pelajar Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud dan Ustaz Sekolah Akhrasat, daerah Yingo, wilayah Narathiwat. Temu bual pada 11 Disember 2009 di rumahnya.

<sup>595</sup> Rusdi Dibuk, *op.cit.* Temu bual pada 21 Disember 2009 di rumahnya.

Berdasarkan maklumat-maklumat yang pengkaji dapati, kecerdikan Ismail Lutfi telah terserlah semenjak kecil lagi. Beliau telah menguruskan beberapa tadika dan telah menulis beberapa buah buku teks agama. Di samping itu, beliau telah berjaya mendapat kelas pertama dalam pengajian di peringkat ijazah muda dan PhD serta mempunyai wawasan yang jauh. Perkara ini dapat dibuktikan dengan penubuhan UIY yang terdiri dari pelbagai fakulti untuk masyarakat Islam di Selatan Thailand. oleh sebab itulah, sasaran telah tertarik dengan kecerdikan Ismail Lutfi.

Kesimpulannya, sebab-sebab yang paling utama sasaran tertarik kepada kecerdikan Ismail Lutfi adalah kebijaksanaan beliau dalam berfatwa dan mengurus atau meletakkan sesuatu pada tempatnya. Di samping itu, kebijaksanaan beliau dalam pengajian dan pendidikan sehingga menamatkannya dengan kelas pertama juga telah menarik perhatian sasaran.

## 6. Suara

Berdasarkan borang-borang soal selidik, responden telah menyatakan sebab-sebab sangat tertarik atau tertarik dengan suara Ismail Lutfi adalah kerana suara beliau yang lembut dan tidak kasar, sangat merdu, nyaring, terang dan tidak jemu didengar. Muhammad Hj. Mat menyatakan suara Ismail Lutfi yang merdu mampu menarik perhatian ramai orang.<sup>596</sup> Manakala Muhammad Sanman pula menyatakan suara Ismail Lutfi sangat menarik kerana suara beliau yang merdu dan ada mempunyai kekuatan tersendiri.<sup>597</sup>

Rusdi Dibuk menerangkan suara Ismail Lutfi sangat menarik kerana suara beliau yang merdu, jelas dan nyata.<sup>598</sup> Maryam Bt Idris menyatakan suara Ismail Lutfi menjadi tarikan kerana beliau mempunyai suara yang lembut dan terang serta menggunakan intonasi

---

<sup>596</sup> Muhammad Hj. Mat, *op.cit.* Temu bual pada 19 Disember 2009 di rumahnya.

<sup>597</sup> Muhammad Sanman, *op.cit.* Temu bual pada 11 Disember 2009 di rumahnya.

<sup>598</sup> Rusdi Dibuk, *op.cit.* Temu bual pada 21 Disember 2009 di rumahnya.

suara yang menarik.<sup>599</sup> Manakala Numan Sa'a menyebutkan bahawa suara Ismail Lutfi sangat menarik kerana beliau mempunyai suara yang merdu dan terang.<sup>600</sup>

Kesimpulannya, ternyata bahawa suara Ismail Lutfi merupakan salah satu faktor tarikan pada personaliti Ismail Lutfi kerana beliau mempunyai suara yang merdu dan lembut serta terang dan nyata. Di samping itu, beliau juga pandai menggunakan nada dan intonasi suara yang menarik.

Hasil dari perbincangan ini boleh dilihat berdasarkan Jadual 4.5 nilai purata min keseluruhan item ialah 1.257 Ini bermakna secara keseluruhannya adalah responden tertarik dengan personaliti Ismail Lutfi. Sehubungan dengan itu juga, dapatlah disimpulkan bahawa Ismail Lutfi merupakan seorang tokoh pendakwah yang mempunyai daya tarikan yang hebat kerana beliau mempunyai penampilan fizikal yang tampan, penampilan peribadi yang mulia, status yang tinggi dan berkarisma.

#### **4.3.2 Faktor Pada Isi Penyampaian**

Isi penyampaian dakwah atau mesej dakwah merupakan faktor yang penting untuk menarik perhatian sasaran apabila dibentuk dengan unsur-unsur yang menarik dan sesuai dengan keadaan sasaran. Isi penyampaian dakwah yang disampaikan oleh Ismail Lutfi dalam usaha memberi kefahaman Islam kepada masyarakat didapati mampu menarik masyarakat terutamanya melalui isi yang disampaikan. Persoalannya ialah apakah faktor tarikan pada isi penyampaian Ismail Lutfi? Oleh itu, tema ini ingin melihat faktor penarik yang terdapat pada isi penyampaian beliau.

---

<sup>599</sup> Maryam bt. Idris, *op.cit.* Temu bual pada 18 Disember 2009 di rumahnya.

<sup>600</sup> Numan Sa'a, Bekas Murid Ismail Lutfi dan Pensyarah UIY. Temu bual pada 24 Disember 2009 di pejabatnya.

Jadual 4.6: Faktor Pada Isi Penyampaian

Item	Sangat Suka	Suka	Biasa	Tidak Suka	Tidak Jawab	Jumlah	Min	Kedudukan
Tafsir al-Quran	245 (95.0%)	13 (5.0%)				258 (100%)	1.050	1
Hadis	192 (74.4%)	61 (23.6%)	5 (1.9%)			258 (100%)	1.275	2
Akidah	194 (75.2)	56 (21.7%)	8 (3.1%)			258 (100%)	1.279	3
Fikah	140 (54.3%)	98 (38.0%)	19 (7.4%)		1 (0.4%)	258 (100%)	1.529	6
Akhlik	190 (73.6%)	60 (23.3%)	8 (3.1%)			258 (100%)	1.294	4
Masalah Semasa (Isu Semasa)	178 (69.0%)	60 (23.3%)	16 (6.2%)	2 (0.8%)	2 (0.8%)	258 (100%)	1.382	5
						<b>Purata Min</b>	1.302	

Berdasarkan Jadual 4.6, menunjukkan seramai 245 (95.0%) responden menyatakan sangat suka kepada isi penyampaian tafsir al-Quran Ismail Lutfi dan seramai 13 (5.0%) responden hanya memilih suka. Nilai min bagi item ini ialah 1.050. Ini bermakna secara keseluruhannya bagi item ini kebanyakan responden tertarik dengan tafsir al-Quran yang disampaikan oleh beliau.

Manakala item yang paling rendah ialah sangat tertarik dengan isi penyampaian Ismail Lutfi dari item fikah. Seramai 140 (54.3%) responden menyatakan sangat suka isi penyampaian fikah. Sementara 98 (38.0%) responden suka, 19 (7.4%) responden menjawab biasa dan 1 (0.4%) responden yang tidak menjawab perkara ini kerana tertinggal atau tidak pasti. Nilai min bagi item ini ialah 1.529.

Bagi item hadis menunjukkan seramai 192 (74.4%) responden menyatakan sangat suka isi penyampaian hadis. Sementara seramai 61 (23.6%) responden suka dan 5 (1.9%) responden menjawab biasa. Nilai min bagi item ini ialah 1.275.

Item akidah menunjukkan seramai 194 (75.2%) responden menyatakan sangat suka isi penyampaian akidah. Sementara 56 (21.7%) responden suka dan 8 (3.1%) responden menjawab biasa. Nilai min bagi item ini ialah 1.279.

Item akhlak pula menunjukkan seramai 190 (73.6%) responden menyatakan sangat suka isi penyampaian akhlak. Sementara 60 (23.3%) responden suka dan 8 (3.1%) responden menjawab biasa. Nilai min bagi item ini ialah 1.294.

Item isu semasa menunjukkan seramai 178 (69.0%) responden menyatakan sangat suka isi penyampaian isu semasa. Sementara 60 (23.3%) responden suka, 16 (6.2%) pula menjawab biasa, 2 (0.8%) responden menjawab tidak suka dan 2 (0.8%) responden tertinggal atau tidak pasti dengan tidak menjawab apa-apa. Nilai min bagi item ini ialah 1.382.

Jadual tersebut menunjukkan bahawa faktor tarikan utama yang responden tertarik pada isi penyampaian Ismail Lutfi berdasarkan kedudukan nilai min dan peratusan 80 ke atas mengikut skala sangat suka ialah tafsir al-Quran sahaja seramai 245 (95.0%) responden. Antara sebab-sebab adalah seperti berikut:

Berdasarkan borang kaji selidik yang diedarkan, responden telah menyatakan sebab-sebab sangat tertarik atau tertarik dengan tafsir al-Quran yang disampaikan oleh Ismail Lutfi adalah kerana beliau tidak mentafsirkan mengikut kemahuan sendiri bahkan beliau membawa pandangan-pandangan ulama yang muktabar. Tambahan lagi beliau sendiri mempunyai kemahiran dalam ilmu tafsir al-Quran yang sangat luas, penjelasan yang jelas dan mudah difahami serta mendorong untuk beramal.

Abdulrahman Wodir menyatakan beliau mengagumi pentafsiran al-Quran yang disampaikan oleh Ismail Lutfi kerana ketajaman pemikiran beliau dalam memberi fikrah-fikrah yang baru dalam memahami ayat-ayat al-Quran, mesej yang jelas dan mudah difahami.<sup>601</sup> Manakala Muhammad Sanman menceritakan beliau sangat suka mendengar tafsir al-Quran yang disampaikan oleh Ismail Lutfi semenjak sekolah menengah lagi. Ismail Lutfi mentafsirkan ayat-ayat al-Quran setiap hari selepas solat Subuh. Faktor tafsiran al-Quran Ismail Lutfi menjadi tarikan adalah disebabkan oleh rujukan beliau yang bersumberkan sumber yang jelas, memberi pandangan mengikut perkembangan semasa dan

---

<sup>601</sup> Abdulrahman Wodir, *op.cit.* Temu bual pada 24 Disember 2009 di pejabatnya.

mesej beliau yang mudah difahami. Di samping itu juga, beliau mentafsirkan ayat-ayat al-Quran secara menyeluruh seperti menyatakan pandangan pentafsir seperti Ibnu Abbas, Mujahid dan sebagainya serta beliau menceritakan riwayat hidup mereka seperti tarikh lahir dan meninggal, guru mereka dan sebagainya.<sup>602</sup>

Shamsuddin Somuda menceritakan tafsir al-Quran yang disampaikan oleh Ismail Lutfi sangat menarik perhatian kerana penjelasan yang diberikan sangat jelas, pentafsiran yang tidak mendahului pemikiran sendiri tetapi mengemukakan pandangan ulama-ulama pentafsir yang muktabar, sebagai contoh seperti Mujahid, Ibnu Abbas, Qatadah dan sebagainya. Kemudian barulah beliau menyatakan pandangan beliau.<sup>603</sup> Berdasarkan fakta-fakta di atas jelas menunjukkan tafsir al-Quran yang disampaikan Ismail Lutfi sangat menarik perhatian sasaran kerana isi penyampaiannya mempunyai unsur mudah, jelas, keperluan dan isi yang semasa serta terkini.

Kesimpulan secara keseluruhannya, berdasarkan Jadual di atas purata min keseluruhan item ialah 1.302. Ini bermakna secara keseluruhannya responden tertarik pada isi penyampaian Ismail Lutfi. Faktor tarikan utama pada isi penyampaian beliau mengikut kedudukan nilai min dan peratusan 80 ke atas pada skala sangat suka ialah tafsir al-Quran sahaja. Daripada kenyataan-kenyataan di atas juga menunjukkan bahawa unsur jelas, mudah dan keperluan menjadi daya tarikan dalam tafsir al-Quran yang disampaikan oleh Ismail Lutfi.

#### **4.3.3 Faktor Pada Gaya Persembahan Mesej**

Gaya persembahan mesej juga merupakan salah satu faktor tarikan untuk menarik perhatian sasaran supaya menerima ajaran Islam yang disampaikan. Ismail Lutfi yang juga telah menggunakan gaya persembahan mesej dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand sehingga mereka tertarik dengan gaya persembahan beliau.

<sup>602</sup> Muhammad Sanman, *op.cit.* Temu bual pada 11 Disember 2009 di rumahnya.

<sup>603</sup> Shamsuddin Somuda, *op.cit.* Temu bual pada 11 Disember 2009 di rumahnya.

Persoalannya apakah faktor tarikan pada gaya persembahan mesej Ismail Lutfi? Oleh itu, dalam tema ini akan melihat faktor tarikan yang menjadikan sasaran tertarik dengan gaya persembahan mesej beliau.

Jadual 4.7: Faktor Pada Gaya Persembahan Mesej

<b>Item</b>	<b>Sangat Suka</b>	<b>Suka</b>	<b>Biasa</b>	<b>Tidak Suka</b>	<b>Tidak Jawab</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Min</b>	<b>Kedudukan</b>
Bahasa	173 (67.1%)	79 (30.6%)	5 (1.9%)		1 (0.4%)	258 (100%)	1.346	8
Mengemukakan Alasan	188 (72.9%)	64 (24.8%)	6 (2.3%)			258 (100%)	1.295	6
Membuka Ufuk Pemikiran	180 (69.8%)	72 (27.9%)	6 (2.3%)			258 (100%)	1.326	7
Perbandingan	175 (67.8%)	73 (28.3%)	10 (3.9%)			258 (100%)	1.360	9
Cerita	160 (62.0%)	89 (34.5%)	9 (3.5%)			258 (100%)	1.415	10
Mengingati Nikmat Allah SWT	210 (81.4%)	44 (17.1%)	4 (1.6%)			258 (100%)	1.202	2
Berulang-ulang	151 (58.5%)	95 (36.8%)	12 (4.7%)			258 (100%)	1.461	11
Menggalakkan Berbuat Baik	223 (86.4%)	30 (11.6%)	5 (1.9%)			258 (100%)	1.155	1
Menakutkan Dari Kejahatan	202 (78.3%)	47 (18.2%)	8 (3.1%)	1 (0.4%)		258 (100%)	1.256	5
Menjinakkan	204 (79.1%)	54 (29.9%)				258 (100%)	1.209	3
Berkeras	78 (30.2%)	90 (34.9%)	54 (20.9%)	35 (13.6%)		258 (100%)	2.179	13
Bertahap-tahap	137 (53.1%)	94 (36.4%)	22 (8.5%)	1 (0.4%)	4 (1.6%)	258 (100%)	1.555	12
Contoh Teladan Yang Baik	197 (76.4%)	58 (22.5%)	3 (1.2%)			258 (100%)	1.248	4
						<b>Purata Min</b>	1.385	

Berdasarkan Jadual 4.7, menunjukkan seramai 223 (86.4%) responden menyatakan sangat suka dengan gaya persembahan mesej berbentuk menggalakkan berbuat baik. Sementara seramai 30 (11.6%) responden suka dan 5 (1.9%) responden biasa. Nilai min bagi item ini ialah 1.155. Ini bermakna secara keseluruhannya bagi item ini responden tertarik dengan penyampaian beliau yang menggalakkan berbuat baik dan ia merupakan

item yang paling ramai responden yang menyukai gaya persembahan mesej Ismail Lutfi ini.

Manakala item berkeras pula secara keseluruhannya menunjukkan responden menyatakan kurang menarik dan merupakan item yang paling rendah. Seramai 78 (30.2%) responden menyatakan sangat suka dengan gaya persembahan berbentuk cara keras. Sementara 90 (34.9%) responden suka, 54 (20.9%) responden menjawab biasa dan 35 (13.6%) responden menjawab tidak suka. Nilai min bagi item ini ialah 2.179.

Item bahasa menunjukkan 173 (67.1%) responden menyatakan sangat suka dengan gaya persembahan mesej berbentuk bahasa Ismail Lutfi. Sementara seramai 79 (30.6%) responden suka, 5 (1.9%) responden menjawab biasa dan 1 (0.4%) responden tertinggal atau kurang pasti dengan tidak menjawab apa-apa. Nilai min item ini ialah 1.346.

Item mengemukakan alasan menunjukkan seramai 188 (72.9%) responden menyatakan sangat suka dengan gaya persembahan mesej berbentuk mengemukakan alasan Ismail Lutfi. Sementara 64 (24.8%) responden suka dan 6 (2.3%) responden menjawab biasa. Nilai min item ini ialah 1.295.

Item membuka ufuk pemikiran menunjukkan seramai 180 (69.8%) responden menyatakan sangat suka dengan gaya persembahan mesej berbentuk membuka ufuk pemikiran Ismail Lutfi. Sementara seramai 72 (27.9%) responden suka dan 6 (2.3%) responden menjawab biasa. Nilai min item ini ialah 1.326.

Item perbandingan menunjukkan seramai 175 (67.8%) responden menyatakan sangat suka dengan gaya persembahan mesej berbentuk perbandingan Ismail Lutfi. Sementara seramai 73 (28.3%) responden suka dan 10 (3.9%) responden menjawab biasa. Nilai min item ini ialah 1.360.

Item cerita menunjukkan seramai 160 (62.0%) responden menyatakan sangat suka dengan gaya persembahan mesej berbentuk cerita Ismail Lutfi. Sementara seramai 89 (34.5%) responden suka dan 9 (3.5%) responden menjawab biasa. Nilai min item ini ialah 1.415.

Item mengingati nikmat Allah SWT menunjukkan seramai 210 (81.4%) responden menyatakan sangat suka dengan gaya persembahan mesej berbentuk mengingati nikmat Allah SWT Ismail Lutfi. Sementara seramai 44 (17.1%) responden suka dan 4 (1.6%) responden menjawab biasa. Nilai min item ini ialah 1.202.

Item berulang-ulang menunjukkan seramai 151 (58.5%) responden menyatakan sangat suka dengan gaya persembahan mesej berbentuk cara mengulang-ulang maklumat yang dilakukan oleh Ismail Lutfi. Sementara seramai 95 (36.8%) responden suka dan 12 (4.7%) responden menjawab biasa. Nilai min item ini ialah 1.461.

Item menakutkan dari kejahatan menunjukkan seramai 202 (78.3%) responden menyatakan sangat suka dengan gaya persembahan mesej berbentuk menakutkan dari kejahatan Ismail Lutfi. Sementara seramai 47 (18.2%) responden suka, 8 (3.1%) responden biasa dan 1 (0.4%) responden menjawab tidak suka. Nilai min item ini ialah 1.256.

Item menjinakkan menunjukkan seramai 204 (79.1%) responden menyatakan sangat suka dengan gaya persembahan mesej berbentuk menjinakkan Ismail Lutfi dan seramai 54 (29.9%) responden menjawab suka. Nilai min item ini ialah 1.209.

Manakala item bertahap-tahap menunjukkan seramai 137 (53.1%) responden menyatakan sangat suka dengan gaya persembahan mesej berbentuk bertahap-tahap Ismail Lutfi. Sementara seramai 94 (36.4%) responden suka, 22 (8.5%) responden biasa, 1 (0.4%) responden tidak suka dan 4 (1.6%) responden tertinggal atau kurang pasti dengan tidak menjawab apa-apa. Nilai min item ini ialah 1.555.

Item contoh teladan yang baik menunjukkan seramai 197 (76.4%) responden menyatakan sangat suka dengan gaya persembahan mesej berbentuk contoh teladan yang baik Ismail Lutfi. Sementara seramai 58 (22.5%) responden suka dan 3 (1.2%) responden menjawab biasa. Nilai min item ini ialah 1.248.

Jadual tersebut menunjukkan faktor tarikan utama responden tertarik pada gaya persembahan mesej Ismail Lutfi berdasarkan kedudukan nilai min dan peratusan 80 ke atas mengikut skala sangat suka ialah menggalakkan berbuat baik seramai 223 (86.4%)

responden dan mengingati nikmat Allah SWT seramai 210 (81.4%) responden. Antara sebab-sebab responden sangat tertarik atau tertarik kepada faktor tarikan utama di atas adalah seperti berikut:

### **1. Menggalakkan Berbuat Baik**

Berdasarkan borang-borang soal selidik, responden telah menyatakan sangat tertarik atau tertarik dengan gaya persembahan mesej berbentuk menggalakkan berbuat baik yang diaplikasikan oleh Ismail Lutfi. Numan Sa'a menerangkan beliau sangat tertarik dengan gaya persembahan mesej berbentuk menggalakkan berbuat baik Ismail Lutfi kerana beliau suka menggalakkan pendengar berbuat baik dengan menggunakan hadis-hadis yang sahih. Di samping beliau menggalakkan masyarakat berbuat baik, beliau sendiri juga mengaplikasikan apa yang diucapkan.<sup>604</sup>

Muhammad Sanman menerangkan juga, beliau tertarik dengan gaya persembahan mesej berbentuk menggalakkan berbuat baik Ismail Lutfi kerana beliau sentiasa menggalakkan dan menyeru masyarakat berbuat baik berdasarkan Sunah Nabi SAW. Sebagai contohnya, mengamalkan solat tahajud, berzikir pagi dan petang, beriktikaf sepuluh akhir di bulan Ramadan, puasa-puasa sunat hari kepentingan dan sebagainya.<sup>605</sup>

Hasan Cheanik menyatakan sangat tertarik dengan gaya persembahan berbentuk menggalakkan berbuat baik Ismail Lutfi kerana Ismail Lutfi suka menggalakkan masyarakat Islam berbuat baik mengikut Sunah Nabi SAW contohnya beriktikaf, berhijab dan sebagainya. Pada awal dakwah beliau iaitu ketika beliau baru pulang ke tanah air, beliau sangat menitik beratkan tentang hijab pada setiap kali memberikan ceramah beliau. Galakkan supaya masyarakat berhijab adalah disebabkan suasana pada ketika itu masyarakat kurang menitik beratkan tentang penutupan aurat.<sup>606</sup>

---

<sup>604</sup> Numan Sa'a, *op.cit.* Temu bual pada 24 Disember 2009 di pejabatnya.

<sup>605</sup> Muhammad Sanman, *op.cit.* Temu bual pada 11 Disember 2009 di rumahnya.

<sup>606</sup> Hasan Cheanik, *op.cit.* Temu bual 11 Disember 2009 di rumahnya.

Kesimpulannya, sebab-sebab responden sangat tertarik dengan gaya persembahan mesej berbentuk menggalakkan berbuat baik Ismail Lutfi kerana beliau sentiasa mendorong supaya berbuat baik berdasarkan al-Quran dan sunah dalam kehidupan sehari-hari ada solat, puasa dan sebagainya.

## **2. Mengingatkan Nikmat Allah SWT**

Berdasarkan borang-borang soal selidik, responden telah menyatakan sebab-sebab sangat tertarik gaya persembahan berbentuk mengingatkan nikmat Allah SWT Ismail Lutfi kerana Ismail Lutfi sentiasa suka memberikan peringatan akan nikmat Allah.

Kesimpulan keseluruhannya, nilai purata min keseluruhan item ialah 1.385. Ini bermakna secara keseluruhannya responden tertarik dengan gaya persembahan mesej Ismail Lutfi. Faktor tarikan utama pada gaya persembahan mesej beliau mengikut kedudukan nilai min dan peratusan 80 ke atas pada skala sangat suka ialah menggalakkan berbuat baik dan mengingati nikmat Allah SWT.

## **4.4 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor tarikan dakwah Ismail Lutfi kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand yang telah dilihat dari tiga aspek iaitu pertamanya aspek personaliti didapati faktor tarikan utama adalah ceramah, kelulusan akademik, akhlak umum, ilmu, kecerdikan dan suara. Keduanya aspek isi penyampaian didapati faktor tarikan utama adalah tafsir al-Quran. Ketiganya aspek gaya persembahan mesej didapati faktor tarikan utama adalah menggalakkan berbuat baik dan mengingati nikmat Allah SWT. Oleh yang demikian, dakwah yang dilaksanakan oleh Ismail Lutfi sangat menarik perhatian sasaran sehingga ramai dikalangan masyarakat Islam di Selatan Thailand terpengaruh dengan beliau.

